

PALAVO SUSPENSION 250MG/5ML

Paracetamol (250mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Palavo Suspension
2. Bagaimana Palavo Suspension berfungsi
3. Sebelum menggunakan Palavo Suspension
4. Cara menggunakan Palavo Suspension
5. Semasa menggunakan Palavo Suspension
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Palavo Suspension
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan Palavo Suspension

Palavo Suspension digunakan untuk melegakan kesakitan tahap ringan hingga kesakitan tahap sederhana dan juga digunakan untuk demam.

Bagaimana Palavo Suspension berfungsi

Palavo Suspension mengandungi paracetamol yang membantu melegakan sakit, merawat demam dan juga mengurangkan bengkak.

Sebelum menggunakan Palavo Suspension

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan ambil ubat ini jika anda mempunyai alahan terhadap bahan yang terkandung di dalam ubat ini.
- Jangan ambil ubat ini jika anda sedang mengambil ubat lain yang mengandungi paracetamol pada masa yang sama.
- Amaran alahan: Paracetamol boleh menyebabkan reaksi kulit yang teruk. Gejala mungkin termasuk kemerahan kulit, lepuh atau ruam. Ini boleh menjadi tanda-tanda keadaan yang serius. Sekiranya tindak balas ini berlaku, hentikan penggunaan dan dapatkan bantuan perubatan dengan serta merta.

- Sebelum menggunakannya

- Beritahu doktor atau ahli farmasi jika:
 - Anda hamil atau merancang untuk hamil.
 - Anda sedang menyusukan anak.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Palavo Suspension

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 10ml – 20ml (500mg-1g)
Dos boleh diambil setiap 4 hingga 6 jam, sehingga dos maksima hanya 4 kali sehari.

Kanak-kanak:

Jarak masa minima untuk pemberian dos: 4 jam

Tempoh maksima pengambilan dos berterusan tanpa nasihat perubatan: 3 hari

Tidak digalakkan untuk kanak-kanak berumur 1 bulan kebawah.

Untuk kanak-kanak berumur 3 tahun kebawah, jika demam masih berlarutan dalam tempoh 24 jam (dengan pemberian 4 dos maksima dalam sehari), sila dapatkan nasihat perubatan.

Ini untuk memastikan demam yang disebabkan jangkitan akan mudah untuk di diagnos.

Dos maksima harian: 60mg/kg dalam pembahagian dos 10-15mg/kg dalam tempoh 24 jam.

Dos berdasarkan berat badan (BW)

Jika anda mengetahui berat badan anak anda, gunakannya bagi mendapatkan dos yang betul dengan lebih tepat. Sila rujuk dibawah:

Berat Badan	Dos	Kekerapan
10 kg	3 ml	Jangan mengambil lebih kerap daripada setiap 4 jam dan tidak melebihi lebih daripada empat dos dalam masa 24 jam.
15 kg	4.5 ml	
20 kg	6 ml	
30 kg	9 ml	

Untuk kegunaan oral (diminum) sahaja.

Boleh diambil sebelum atau selepas makan bersama segelas air.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Penggunaan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan loya, muntah, berpeluh, sakit perut, kegagalan hati and adakalanya boleh menyebabkan kegagalan buah pinggang, koma dan lebih teruk boleh membawa maut. Rawatan segera perlu diambil dengan acetylcysteine atau methionine.

Semasa menggunakan Palavo Suspension

- Perkara yang perlu dilakukan

Guna ubat anda mengikut arahan doctor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Palavo Suspension.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan
Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Palavo Suspension kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian
Memandu dan menggunakan jentera
Berhati-hati semasa memandu atau menggunakan jentera sehingga anda mengetahui tentang kesan Palavo Suspension terhadap anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Palavo Suspension boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan sampingan yang mungkin berlaku adalah:

- Reaksi haematologi termasuklah thrombocytopenia (kekurangan platelet dalam darah)
- Leukopenia (kurang sel darah putih)
- Reaksi hipersensitiviti kulit termasuk ruam kulit, angioedema, Stevens Johnson Syndrome / Toksik Epidermal Nekrosis telah dilaporkan.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan *Adverse* Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan

Palavo Suspension

- Penyimpanan
Simpan pada suhu di bawah 30°C.
Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Setiap botol mengandungi suspension berwarna oren dengan perasa oren.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
 - Paracetamol
- Bahan tidak aktif
 - Syrup
 - Hydroxypropyl Methylcellulose
 - Xanthan Gum
 - Glycerin
 - Saccharin Sodium
 - Citric Acid Anhydrous
 - Sodium Citrate
 - Orange Flavour
 - Methyl Hydroxybenzoate
 - Propyl Hydroxybenzoate
 - Propylene Glycol
 - Purified Water

- Nombor MAL

MAL*****

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn Bhd
1-5 Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka,
Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP

14/05/2026

Nombor Siri

NPRA (R2) 26/071